

## Terma & Syarat Peraduan #MySenyum

### 1. Peraduan ini terbuka kepada:

- Rakyat \*Malaysia sahaja
- Berumur 18 tahun & ke atas (setakat 28 Januari 2022)
- Pemilik akaun individu Facebook dan Instagram sahaja

\* Rakyat Malaysia yang mempunyai MyKad/Kad Pengenalan yang sah.

### 2. Langkah-langkah Penyertaan Peraduan:

- i. Tekan butang “Like” & ikuti akaun media sosial @mcislifemy (FB & IG)
- ii. Hantar penyertaan melalui media sosial anda dan pastikan profil anda ditetapkan kepada umum
- iii. Tulis kapsyen tentang gambar atau video anda sebanyak lebih kurang 15 patah perkataan
- iv. Peserta mestilah tag @MCISLifeMY pada entri anda dan **sertakan SEMUA hashtag wajib kempen** yang disenaraikan di bawah:
  - a. Penyertaan Hadiah Utama #MySenyum (foto atau video tanpa menggunakan filter AR kami) mesti disertakan #MCISLife #PeopleHelpingPeople #MySenyum
  - b. #MySenyumFilter menggunakan filter AR khas kami mesti disertakan #MCISLife #PeopleHelpingPeople #MySenyum #MySenyumFilter
- v. Langkah wajib terakhir untuk melengkapkan penyertaan ialah dengan mengisi Borang Google (<https://bit.ly/MySenyumContest>) pautan tersedia di bio akaun MCIS Life

### 3. Penyertaan yang layak harus memenuhi **SEMUA** langkah yang digariskan di atas.

### 4. MCIS Life dan/atau agensi/wakil yang dilantik berhak untuk mendapatkan pengesahan kewarganegaraan peserta.

### 5. Kelayakan Penyertaan Facebook:

- Penyertaan melalui **hantaran foto dan video sahaja**
- Hantaran video menggunakan Filter AR #MySenyum Instagram adalah diterima
- Penyertaan melalui Facebook story akan dibatalkan kelayakan
- Hanya hantaran yang mempunyai tag (@mcislifemy) akan layak mendapat hadiah

### 6. Kelayakan Penyertaan Instagram:

- Penyertaan melalui **hantaran foto, video & reel sahaja**
- Penyertaan melalui Instagram story akan dibatalkan kelayakan
- Hanya hantaran yang mempunyai tag (@mcislifemy) akan layak mendapat hadiah

7. Setiap peserta bertanggungjawab untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi hak publisiti dan hak-hak lain orang yang digambarkan dalam penyertaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mendapatkan persetujuan/keizinan mereka terlebih dahulu, untuk mengelakkan sebarang masalah berkaitan pelanggaran hak ini.

8. Peserta dibenarkan untuk menghantar beberapa penyertaan dan layak untuk menang dalam beberapa kategori dengan syarat setiap penyertaan yang dihantar disertakan dengan Borang Google yang lengkap & memenuhi semua langkah yang digariskan di atas.

9. Peraduan #MySenyum MCIS Life berjalan mengikut jadual di bawah\*:

Minggu 1:	28 Januari – 6 Februari 2022
Minggu 2:	7 – 13 Februari 2022
Minggu 3:	14 – 20 Februari 2022
Minggu 4:	21 – 27 Februari 2022
Minggu 5:	28 Februari – 6 Mac 2022
Minggu 6:	7 – 13 Mac 2022
Minggu 7:	14 – 20 Mac 2022
Minggu 8:	21 – 31 Mac 2022

\*MCIS Life berhak untuk menukar tarikh pada bila-bila masa.

10. Semua hantaran mestilah **TIDAK** mengandungi apa-apa bahan yang mempunyai unsur-unsur tidak senonoh, politik, perkauman, seksisme, keganasan, agama, narkotik atau apa-apa bahan lain yang dianggap tidak sesuai tertakluk kepada budi bicara mutlak juri.

11. Pekerja, pegawai, pengarah atau wakil MCIS Life (Penganjur) atau mana-mana anak syarikat, sekutu dan agensi Penganjur; juri pertandingan; dan ibu bapa, adik-beradik, anak-anak, dan orang yang bermastautin dengan individu tersebut seperti yang disenaraikan di atas adalah **tidak** layak untuk menyertai dan/atau memenangi hadiah yang diperuntukkan melalui pertandingan ini yang disasarkan untuk orang ramai.

12. Dengan menyertai peraduan ini, semua peserta bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek ke atasnya adalah kepunyaan Penganjur. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, mengedit, mengubah suai dan menerbitkan hantaran yang dihantar oleh semua peserta serta menerbitkan nama peserta, dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai untuk apa-apa pengiklanan, pemasaran, perdagangan, promosi dan untuk apa-apa sebab lain sekalipun, tanpa sebarang notis lanjut kepada peserta dan

peserta tidak boleh menuntut pemilikan atau sebarang bayaran atau pampasan ke atas bahan. Untuk mengelakkan keraguan, penyertaan yang diterima tidak akan disunting untuk tujuan penghakiman. Pengajur akan menggunakan penyerahan / hantaran peserta untuk dipaparkan pada hantaran di laman Facebook dan Instagram MCIS Life dan medium/saluran pengiklanan lain.

13. Pengajur berhak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan kemenangan ini sekiranya ia tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang, digangu secara teknikal atau rosak, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, gangguan, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Pengajur, walaupun setelah Pengajur melakukan yang terbaik.

14. Pengajur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang didapati atau disyaki mengganggu proses penyertaan Peraduan dan/atau operasi keseluruhan kemenangan ini. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan orang yang disyaki secara munasabah telah melanggar atau menyalahi mana-mana terma dan syarat am ini. Pengajur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti-aktiviti lain yang memudaratkan kemenangan dan/atau proses ini.

## PENGUMUMAN PEMENANG PERADUAN #MySenyum

1. Pemenang akan dimaklumkan melalui hantaran Facebook/Instagram dan/atau mesej peribadi selepas tamat tempoh peraduan. Pemenang dikehendaki memberikan sebarang maklumat tambahan yang diminta oleh Pengajur. Sekiranya pemenang gagal memberikan maklumat yang tepat, penyertaannya akan dibatalkan.

2. Pemenang cabutan bertuah akan diumumkan di platform media sosial & laman web peraduan MCIS Life.

3. "Butiran peribadi" **wajib** yang diperlukan daripada pemenang (selepas pengumuman/pemberitahuan) adalah:

- i. NAMA PENUH (mengikut Kad Pengenalan),
- ii. NOMBOR KAD PENGENALAN
- iii. NOMBOR TELEFON
- iv. ALAMAT E-MEL
- v. BUTIRAN PERBANKAN

MyKad/Kad Pengenalan asal mesti dilihat untuk tujuan pengesahan. Kegagalan untuk memaparkan, akan menyebabkan penyertaan dibatalkan; pemenang gantian akan

dipilih mengikut budi bicara mutlak juri/penganjur.

4. Pemenang perlu memberikan maklum balas kepada Penganjur dengan butiran wajib di atas **dalam masa 7 hari bekerja selepas menerima notifikasi sebagai pemenang**. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang ditetapkan ini akan mengakibatkan hadiah dilucutkan dan pemenang tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Penganjur, sekutu, anak syarikat, pekerja, wakil, peruncit, pengedar, serta pengiklanan, kreatif, media, digital, reka bentuk dan agensi-agensi lain Penganjur, sekiranya pemenang dilucutkan.
5. Semua hadiah **tidak boleh dipindah milik** kepada orang lain.
6. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang gangguan kepada Peraduan yang di luar kawalannya. Penganjur, sekutu, anak syarikat, pekerja, wakil, peruncit, pengedar serta pengiklanan, kreatif, media, digital, reka bentuk dan agensi-agensi lain Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan peluang dan sebarang kerugian tidak langsung atau berbangkit) atau kecederaan peribadi yang dialami atau berterusan berkaitan dengan atau timbul daripada sama ada penyertaan dalam Peraduan ini atau dengan mana-mana Hadiah yang ditawarkan atau dilucutkan.
7. Sekiranya timbul sebarang pertikaian diantara kandungan terma & syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan dirujuk & diterima pakai bagi membantu proses keputusan/penghakiman